

Headline **1.4 juta penghidap**  
Date **28 Jul 2011**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Setempat**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **55**  
Article Size **191 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **2,821**  
PRValue **8,463**



# 1.4 juta penghidap

## Kesedaran masyarakat mengenai jangkitan hepatitis B dan C masih rendah

**K**UALA LUMPUR: Tahap kesedaran masyarakat negara ini mengenai bahaya penyakit hepatitis B dan C yang mempunyai risiko kematian tinggi akibat sirosis hati, kegagalan hati dan kanser hati masih rendah, kata Pengarah Hospital Kuala Lumpur (HKL) Datuk Dr Zaininah Mohd Zain.

Beliau berkata, di Malaysia dianggarkan lima peratus penduduk atau 1.4 juta orang menghidap hepatitis B manakala dua peratus lagi menghidap hepatitis C.

"Kebanyakan orang takut mendengar mengenai Human Immunodeficiency Virus (HIV), tetapi sebenarnya virus hepatitis B dan C lebih mudah berjangkit berbanding HIV," katanya ketika merasmikan sambutan Hari Hepatitis Sedunia 2011 di



**Kebanyakan orang takut mendengar HIV, tetapi virus hepatitis B dan C lebih mudah berjangkit"**

>Datuk Dr Zaininah Mohd Zain  
Pengarah HKL



HKL di sini, semalam.

Dr Zaininah berkata, antara risiko yang dikenal pasti untuk penyakit hepatitis B dan C ialah berkongsi jarum suntikan, hubungan seks dengan pasangan yang mempunyai jangkitan dan melalui kela-

hiran iaitu daripada ibu kepada bayinya.

"Jadi menjalani ujian saringan untuk penyakit ini terutama bagi yang berisiko tinggi adalah langkah mudah dan singkat untuk mengetahui diagnosis," katanya.

Beliau berkata, hepatitis B atau C dan jangkitan virus ini bukan saja berlaku di negara ini, malah ia ancaman global kesihatan manusia sejagat dan dianggarkan lebih 500 juta penduduk dunia dijangkiti penyakit itu.

Justeru beliau menyeru orang ramai supaya menjalani pemeriksaan darah di hospital kerajaan.

Dr Zaininah berkata, pada masa ini hanya terdapat vaksin terhadap hepatitis B dan sejak 1989 semua bayi yang dilahirkan di hospital kerajaan diberi imunisasi penyakit itu secara percuma.

Mengenai sambutan itu beliau berkata, ia bertujuan meningkatkan kesedaran orang awam terhadap bahaya penyakit hepatitis B dan C menerusi forum awam, ujian darah secara percuma serta pameran. - Bernama